

09 DEC 1997

Negara-Usul

PARA SENATOR MAHU BERDEBAT DENGAN ANGGOTA KONGRES AMERIKA

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Para senator hari ini melahirkan kesanggupan untuk menjemput kesemua 34 orang anggota kongres Amerika yang mempertikaikan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk datang ke Malaysia dan berdebat mengenai perkara itu.

Mereka mencadangkan supaya urusan menjemput anggota kongres terbabit dikendalikan oleh Kelab Senator.

Senator Datuk Ghazi Ramli berkata debat itu bertujuan menjelaskan kepada mereka (anggota kongres) tentang sokongan tidak berbelah bagi rakyat negara ini kepada Dr Mahathir.

"Mereka boleh menghantar 10 orang wakil, berapa sahaja atau kesemua 34 orang untuk berdebat dengan kita mengenai perkara itu," katanya ketika membahaskan usul menyokong kepimpinan Dr Mahathir selaku Perdana Menteri setelah dicabar oleh pihak-pihak tertentu seperti anggota kongres Amerika dan media asing.

Usul itu dibentangkan oleh Senator Abdul Aziz Abdul Rahman semalam dan ia telah dibahaskan oleh enam orang senator. Hari ini 13 orang lagi senator membahaskan usul itu.

Senator Datuk Ibrahim Ali berkata usul itu apabila diluluskan akan dihantar melalui prosedur biasa kerajaan iaitu melalui kedutaan Amerika Syarikat.

Beliau juga meminta akhbar tempatan berhati-hati dalam laporan mereka kerana kadang-kadang seolah-olah terdapat percanggahan pendapat antara Perdana Menteri dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sesuatu isu.

Senator Datuk Norjan Khan Bahadar dalam ucapannya sulungnya berkata inilah masanya seluruh rakyat di negara ini menunjukkan jatidiri dan kesetiaan kepada kepimpinan Dr Mahathir dan negara.

Senator Jamilah Ibrahim yang mewakili PAS Kelantan turut menyokong kepimpinan Dr Mahathir dan berkata sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat media asing dan anggota kongres Amerika tidak berhak menentukan kepimpinan Malaysia.

Senator Zaleha Hussin pula berkata media asing dan anggota kongres Amerika sebenarnya membuat perhitungan silap apabila membuat cadangan supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan atau meminta maaf secara terbuka kerana kononnya beliau (Dr Mahathir) seorang yang anti-semitik.

Persidangan Dewan Negara disambung esok. -- BERNAMA

HT AKD